

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perkembangan terkini Pembinaan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di negeri Perak dan berapa jumlah projek perumahan terbengkalai yang dikawal selia Kementerian belum lagi terlaksana sehingga kini.

**JAWAPAN**

**Untuk makluman Yang Berhormat,**

Bagi tahun 2020, sebanyak RM15.41 juta diperuntukkan untuk negeri Perak di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak 110unit bina baru dan 580 unit baik pulih rumah disasar untuk dilaksanakan.

Selain itu, Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRE PRIHATIN) telah memperuntukkan tambahan sebanyak RM 6 juta lagi untuk program ini di bawah skop baik pulih rumah. Dianggarkan sebanyak 420 unit rumah dapat dibaik pulih menggunakan peruntukan ini.

## **NO. SOALAN : 201**

Berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020, hampir semua projek PPRT sama ada yang sedang berjalan atau telah diluluskan telah tertangguh pelaksanaannya. Oleh yang demikian, Kementerian pada bulan Mei 2020, telah mengkaji semula pelaksanaan program ini bagi baki tempoh tahun semasa dan menjangkakan jumlah sasaran asal khususnya bagi unit bina baharu rumah tidak dapat dicapai sepenuhnya. Ini mengambil kira tempoh pembinaan rumah mengambil masa yang lebih panjang.

Atas faktor ini, dianggarkan hanya 63 unit bina baru rumah sahaja dapat dilaksanakan bagi Negeri Perak dalam tahun semasa. Projek yang ditangguhkan akan dilaksanakan pada tahun berikutnya. Namun begitu, bantuan baik pulih rumah diteruskan dengan pertambahan unit melalui peruntukan PRE PRIHATIN kerana tempoh masa pelaksanaan yang lebih pendek.

Pada masa ini, sebanyak 63 unit bantuan bina baru rumah sedang dalam pembinaan di pelbagai peringkat pelaksanaan. Manakala, bagi projek baik pulih rumah, sebanyak 446 unit rumah telah siap dibaiki dan 554 unit rumah sedang dalam pembinaan. Kesemua projek disasarkan untuk disiapkan pada tahun semasa dan tiada projek rumah PPRT yang terbengkalai pada masa ini.